

### Membina Kesejahteraan Negara

#### Perpaduan dan Integrasi Nasional

##### Perpaduan kaum

Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.

##### Integrasi nasional

Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.

#### Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Matlamat ini terkandung dalam:
  - Laporan Rahman Talib
  - Kajian Aminuddin Baki
  - Laporan Jawatankuasa Kabinet
  - Falsafah Pendidikan Kebangsaan
  - Akta Pendidikan 1996

#### Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

Langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan:

- Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
- Memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan
- Penubuhan UKM sebagai pusat keilmuan
- Peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa kebangsaan.

#### Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan:

- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan.
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

#### Sukan sebagai Alat Perpaduan

- Sukan dan perpaduan melalui pendidikan
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)
- Penganjuran sukan
- Kejayaan Malaysia kebanggaan bersama
- Laungan "Malaysia Boleh"
- Peranan organisasi dalam perkembangan sukan dan memupuk perpaduan kaum
- Kepemimpinan berwibawa

#### Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk yang merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.